

## **BAB II**

### **TINJAUAN UMUM TERHADAP HADHANAH BAGI IBU**

### **MURTAD**

#### **A. Pengertian Hadhanah**

Pengertian *hadhanah* diberikan dengan berbagai definisi. Dalam Mazhab As-Syafie' disebut sebagai menjaga orang yang tidak boleh bersendirian menguruskan dirinya daripada perkara yang menyakitkannya kerana ia tidak mumayyiz lagi seperti kanak-kanak dan orang besar yang gila. Juga dengan mendidiknya (mendidik orang yang dijaga) dengan perkara yang memberi *maslahah* kepadanya samaada berkaitan pemeliharaan makanan, minuman dan sebagainya.<sup>1</sup> Mengikut Mazhab Hanafi pula mentafsirkan *hadhanah* sebagai mendidik kanak-kanak yang tidak dapat menguruskan diri sendiri menurut umur tertentu oleh orang yang berhak terhadapnya, iaitu dikalangan keluarganya.<sup>2</sup>

---

<sup>1</sup>Dr. Mustafa Al-Khin, Dr. Mustafa Al-Buqha & Dr. Ali Al-Syarbaji, *Fiqh Al-Manhaji*.

<sup>2</sup>Ahmad Mahmud As-Shafi'i.

*Hadhanah* di ambil dari perkataan arab **حضانة** artinya berhimpun, tinggal dan memelihara<sup>3</sup>. Menurut pandangan *Fuqoha*, *hadhanah* membawa maksud hak untuk memelihara anak kecil, baik laki-laki maupun perempuan atau yang kurang sehat akalnya<sup>4</sup>. Maksud *hadhanah* juga diambil dari perkataan *al-hidhnuyang* membawa arti samping atau merengkuh ke samping<sup>5</sup>. Selain itu kata **حضانة** berarti perawatan, pengasuhan, pendidikan, penguasaan dan nasihat<sup>6</sup>. Sedangkan menurut *terminologi* yang dimaksudkan dengan *hadhanah* adalah kegiatan mengasuh dan mendidik anak sehingga dewasa atau mampu berdiri sendiri<sup>7</sup>.

*Hadhanah* adalah salah satu bentuk dari kekuasaan dan kepemimpinan, namun demikian, dalam hal ini perempuan lebih layak untuk menempatinnya karena kaum hawa bisa lebih lembut, penuh kasih sayang dan sabar dalam mendidik. Jika si anak sudah mencapai usia tertentu maka hak pemeliharannya di berikan

---

<sup>3</sup> Ibrahim Muhammad Al-Jamal, *FiqhulMar'ah Al-muslimah*, (Semarang: CV. Asy Syifa', 2011), bab 9, hlm. 450.

<sup>4</sup> Ibid. hlm. 450.

<sup>5</sup> Prof. Dr. WahbahAz-Zuhaili *Fiqh Islam Wa Adillatuhu*, (Jakarta Darul Fikir, 2011), jilid 10, hlm 59.

<sup>6</sup> Atabiq Ali dan Ahmad Zuhdi Muhdlar, *Kamus Kontemporer Arab-indonesia*, (Yogyakarta, Yayasan Ali Maksum Pondok Pesantren Krapyak, 1996), hlm. 775-776.

<sup>7</sup> Djamaan Nur, *Fiqh Munakahat*, (Semarang, Dina Utama, 1993), hlm. 119.

kepada lelaki, karena ia lebih mampu menjaga dan mendidik si anak daripada kaum wanita.

Pengertian *hadhanah* menurut pandangan Sayyid Sabiq adalah sebagai berikut:

عبارة عن القيام بحفظ الصغير او الصغيرة او المعتوه الذي لا يميز ولا يستقل بامرته وتعهدده بما يصله ووقايته مما يؤذيه وتربيته جسميا ونفسيا وعقليا كي يقوي على النهوض بتبعات الحياة والاطلاع بمسؤوليته<sup>8</sup>.

*Artinya: Sesuatu sikap pemeliharaan anak yang kecil, baik laki-laki atau perempuan, atau yang sudah besar tetapi belum tamyiz tanpa perintah dari padanya, menyediakan sesuatu yang menjadikan kebajikannya, mendidik jasmani, rohani, dan akal nya mampu berdiri sendiri menghadapi hidup dan memikul tanggungjawabnya.*

Di dalam kitab *Kifayatul Akhyar* juga menyebut bahwa *hadhanah* adalah:

عبارة عن القيام بحفظ من لا يميز ولا يستقل بامرته وتربيته بما يصلحه ووقايته عما يؤذيه.

*Artinya: Sesuatu sikap untuk menjaga seseorang yang belum tamyiz dan belum bisa menjaga dirinya sendiri, kemudian mendidiknya dengan sekiranya dia itu akan menjadi anak yang baik*

---

<sup>8</sup> Sayyid Sabiq, *Fiqh as-Sunnah*. Dar al-Fikr, jilid 2, hlm 216.

*dan melindungi dari sesuatu ancaman yang dapat membahayakannya*<sup>9</sup>.

Menurut beberapa pengertian dan perbedaan definisi dari pandangan ilmuan di atas, dapat disimpulkan bahawa yang dimaksudkan dengan *hadhanah* adalah tanggungjawab dan amanah bagi kedua-dua ibu bapa untuk mengasuh, memelihara anak yang belum cukup umur berdikari sendiri atau belum *mumayyiz* untuk menjaga perkembangan dari segi jasmani dan rohani sebagai proses perkembangan anak-anak untuk masa depannya.

*Hadhanah* adalah salah satu bentuk dari kekuasaan dan kepemimpinan, *hadhanah* berbeza maksud dengan pendidikan atau tarbiyah kerana pendidikan bukan hanya diberikan sepenuhnya oleh ibu bapa kerana ibu bapa kewajipannya adalah menyediakan pendidikan kepada anak-anak di sebabkan kerana ibu bapa bukan seorang guru dan bukan bidang yang mahir untuk tarbiyah atau pendidikan dengan sewajarnya dan mengikut arus dan global dunia semasa<sup>10</sup>,

---

<sup>9</sup>Taqyuddin Abu Bakar Bin Muhammad Al-Husaini, *KifayatulAkhyar*, Surabaya: Dar Ilmi, hlm, 121.

<sup>10</sup>Tihami dan SohariSahrani, *Fiqih Munakahat Kajian Fikih Nikah Lengkap*, hlm. 216.

Demikian indahnya islam mengatur dan telah menetapkan hak-hak masing-masing kerana ini islam mengajar kita bertanggungjawab antara satu sama lain dan membedakan umat manusia dengan makhluk-makhluk yang lain.

## B. Dalil Tentang hadhanah

Dalilmengenai hadhanah ini ada di dalam Al-Quran dan hadith yang secara khusus membahas mengenai hadhanah.

### 1. Berdasarkan Al-Quran.

دَوِّعَلَى الرَّضَاعَةِ يُتِمُّ أَنْ أَرَادَ لِمَنْ كَامِلِينَ حَوْلَيْنِ أَوْلَادَهُنَّ يُرَضِعْنَ وَالْوَالِدَاتُ  
 أَوْلَادَهُنَّ تَضَارًّا وَسَعَهَا إِلَّا نَفْسُ تَكْلَفُ لَا بِالْمَعْرُوفِ وَكَسَوْتُهُنَّ رِزْقُهُنَّ لَهُ وَالْمَوْلُو  
 ضٍ عَنِ فَصَالٍ أَرَادَ فَإِنَّ ذَلِكَ مِثْلُ الْوَارِثِ وَعَلَى بَوْلِدِهِ لَهُ مَوْلُودٌ وَلَا يَوْلِدُهُ  
 مُنَاحٍ فَلَا أَوْلَادَ كُمْ تَسْتَرِضِعُونَ أَنْ أَرَدْتُمْ وَإِنْ عَلِيَّ مَا جُنَاحٌ فَلَا وَتَشَاوِرْ مِنْهُمَا تَرَ  
 يَرْتَعِبُونَ بِمَا اللَّهُ أَنْ وَأَعْلَمُوا اللَّهَ وَاتَّقُوا بِالْمَعْرُوفِ أَيْتِيمٌ مَا سَلَّمْتُمْ إِذَا عَلِيَّكُمْ ج

بَص

*Artinya: "Dan ibu-ibu hendaklah menyusukan anak-anaknya selama dua tahun penuh, bagi yang ingin menyusui secara sempurna. Dan kewajiban ayah menanggung nafkah dan pakaian mereka dengan cara yang patut. Seseorang tidak dibebani*

*lebih dari kesanggupannya. Janganlah seorang ibu menderita karena anaknya dan jangan pula seorang ayah (menderita) karena anaknya. Ahli waris (berkewajiban) seperti itu pula. Apabila keduanya ingin menyapai dengan persetujuan dan permusyawaratan antara keduanya, maka tidak ada dosa atas keduanya. Dan jika kamu ingin menyusukan anakmu kepada orang lain, maka tidak ada dosa bagimu memberikan pembayarandengan cara yang patut. Bertakwalah kepada Allah dan ketahuilah bahwa Allah Maha Melihat apa yang kamu kerjakan<sup>11</sup>.”*

Secara umumnya, ayat ini membawa maksud *hadhanah* terhadap anak adalah wajib ke atas ibu bapa karena penjagaan anak adalah ibu bapa orang yang paling layak untuk menjaga dan itu adalah amanah yang Allah berikan dan ibu bapa wajib dipertanggungjawabkan oleh orang tua.<sup>12</sup> Karena anak memerlukan penjagaan dari ibunya untuk tumbesaran dan nafkah anak dan ibu terletak pada suami.

اللَّهُ فَلْيَتَّقُوا عَلَيْهِمْ خَافُوا ضِعْفًا ذُرِّيَّةَ خَلْفِهِمْ مَنْ تَرَكُوا وَالَّذِينَ وَلِي خَشٍ  
 سَدِيدًا قَوْلًا وَلِي قَوْلُو

*Artinya: Dan hendaklah mereka takut (kepada Allah) sekiranya mereka meninggalkan keturunan yang lemah di belakang mereka serta kuatir terhadap kesejahteraan. Oleh sebab itu, hendaklah*

---

<sup>11</sup>Al-quran Tajwid Dan Terjemahan, Surah Al-Baqarah, Ayat 233, (Kuala Lumpur: Humairah Publication SdnBhd, 2012), hlm. 37

<sup>12</sup>Dr. H. PaisolBurlian, M.Hum. *Hukum Islam*, Palembang :Tunas Gemilang Press,2017 hlm 82.

*mereka bertakwa kepada Allah, dan hendaklah mereka berbicara dengan tutur kata yang benar*<sup>13</sup>.

Ayat ini menjelaskan satu hal bahawa tanggungjawab yang Allah S.W.T berikan harus di laksanakan dan di uruskan dengan baik dengan peran dan tugas sebagai ibu dan bapa terhadap penjagaan atau hak hadhanah.

## 2. Berdasarkan Hadith.

ان امرأة قالت: يا رسول الله، إن ابني هذا كان بطني له وعاء وثديي له سقاء وحجري له حواء، وإن اباه طلقني واراد ان ينزعه مني، فقال لها رسول الله ﷺ انت احق به ما لم تتكحى.

*Artinya: Bahwa seorang wanita berkata, “Ya Rasulullah, sesungguhnya anak saya ini, perut sayalah yang telah mengandungnya, dan tetek sayalah yang telah menjadi minumannya dan haribaankulah yang melindunginya. Tapi bapaknya telah menceraikan daku dan hendak menceraikan dia pula dari sisiku”. Maka Rasullulahbersabda, ”engkaulah yang lebih berhak keatas anak itu, selagi belum menikah dengan orang lain”<sup>14</sup>*

عن ابى هريرة رضي الله عنه قال : كنت مع النبي صلى الله عليه

وسلم فجاءت امرأة قالت: يا رسول الله، إن زوجي يريد ان يذهب

بإبني وقد سقاني من بئر ابى عتبة وقد نفعني فقال رسول الله صلى

<sup>13</sup>Ibid, Surah An-Nisa', ayat 9, hlm 78.

<sup>14</sup> Ibrahim Muhammad Al-Jamal, Fiqih Wanita, diterjemahkan oleh Ansori Umar Sitanggal, Semarang: ASY-SYIFA, 1986, hal 451.

الله عليه وسلم: إشتهما عليه فقال زوجها : من يخا قنى فى ولدى فقال النبي : هذا ابوك وهذه امك فخذ بيد ايهما شئت فأخذ بيد امه فانطلقت.

*Artinya: Dari Abu Hurairah.a berkata, "aku pernah bersama-sama Nabi S.A.W. lalu datang seorang wanita dan berkata,"Ya Rasulullah! Sesungguhnya suamiku hendak pergi membawa anakku, dan sesungguhnya dia telah mengambilkan air untukku dari sumur Abu Inabah dan sungguh dia telah berjasa kepadaku" maka datanglah suaminya dan berkata,"siapa yang berani menghalangi aku dengan anakku ini?" Nabi berkata,"inibapakmu dan ini ibumu, maka ambillah tangan di antara keduanya yang engkau kehendaki" lalu diambillah tangan ibunya, maka berjalanlah perempuan itu dengan anaknya"<sup>15</sup>*

Dari hadis di atas membawa arti dalam *hadhanah* ibu adalah orang yang paling layak. Dan ini jelas dan secara fitrah anak yg belum *mumayyiz* memerlukan ibu dan wanita adalah yang terbaik untuk penjagaannya ini bersesuaian dengan firman Allah.

### C. Pengertian Murtad.

Terdapat pelbagai pengertian yang membahaskan tentang *murtad*. Murtad menurut bahasa Arab berasal daripada daripada kalimah (رَدِي رَدِي رَدِي) yang bermaksud rosak.

Kemudian, perkataan *murtad* itu berasal daripada *Isim Fa'il*

---

<sup>15</sup>Slamet Abidin dan Aminuddin, Fiqih Munakahat 2, Bandung: PUSTAKA SETIA, 1999, hal. 178.



(إِرْتَدَى يَرْتَدِي إِرْتِدَاءً مُرْتَدٍ) iaitu bermaksud kembali daripada sesuatu kepada selainnya. Oleh itu dari bahasa *murtad* membawa maksud orang yang kembali daripada sesuatu kepada selainnya.<sup>16</sup>

Menurut istilah *murtad* membawa berbagai arti, antaranya :

1. Yaitu sesuatu perbuatan yang dilakukan atau perkataan yang *murtad*. Di sebutkan oleh seorang Islam yang *mukallaf* di mana perbuatan atau perkataan itu menyebabkan seseorang tadi keluar dari agama Islam.<sup>17</sup>
2. Menurut al Sheikh Abd Qadir Audah, Meninggalkan agama Islam dan keluar daripadanya setelah menganutnya.<sup>18</sup>
3. Menurut Wahbah Zuhayli, Berpaling daripada Islam dan kembali kepada kufur samada dengan niat atau perbuatan yang mengkafirkan atau perkataan dan samada diucapkan dengan gurauan atau penentangan atau *i'tiqad*.<sup>19</sup>

---

<sup>16</sup>Jamaah Min Kibar Al-Lughawiyinal arab, al-Mujam al 'Arabi Al-Asasi, Munazzamah Al-'Arabiah Lit-Tarbiah WaThawafah Wal Ulum, 1999, hal.517.

<sup>17</sup>Said bin Ibrahim, Haji. Qanun Jenayah Syar'iah Dan Sistem Kehakiman Dalam Perundangan Islam Berdasarkan Quran Dan Hadith, Dar al-Makrifah, Kuala Lumpur, 1996, 137.

<sup>18</sup>Awdah, al Tashri' al Jina' al Islami Muqarinan bi al Qanun al wadie', Muassasah ar Risalah, Beirut 1994, jilid 1, halaman 661

<sup>19</sup>Al Zuhayli, al Fiqhal Islami wa Adillatuhu, Dar al Fikri, Dimashq 1989, jilid 6, halaman 183

4. Menurut Syed Sabiq, Kembalinya orang Islam yang berakal dan dewasa ke kekafiran dengan kehendaknya sendiri tanpa ada paksaan dari orang lain baik orang itu adalah lelaki atau perempuan.<sup>20</sup>
5. Menurut Khatib Syarbini iaitu memutuskan Islam dengan niat atau perkataan *kufur* atau perbuatan sama ada perkataan itu mengejek atau mencibir atau keyakinan.<sup>21</sup>

Hasil pengertian murtad dari pandangan yg di jelaskan di atas, jelas memberitahu murtad itu adalah keluarnya atau beralih dari kepercayaan asal mereka khusus bagi mereka yang berasal dari agama islam. Atau bertukar kepercayaan agama, baik di lakukan dari sudut perilaku dan bercakapan.

#### **D. Dasar Hukum Murtad**

Menukar agama adalah merupakan satu kesalahan besar kerana ia berkaitan dengan pegangan dan panduan hidup di dalam Islam. Apabila ia disebut sebagai kesalahan di dalam Islam maka sudah semestinya kita perlu mengetahui dalil-dalil

---

<sup>20</sup>Sayyid Sabiq, *Fiqh as-Sunnah*. Dar al-Fikr, jilid 2, hal 301.

<sup>21</sup>Khatib Syarbini. *Mughni al-Muhtaj ila Makrifah Ma'ani Alfaz al-Minhaj*. Dar al-Makrifah, Beirut, Lubnan, Jilid 4 hal 173.

yang terdapat dan digunakan oleh para *fuqaha* untuk menghukumkan orang yang menukar agamanya.

1. Dalil Al-Quran :

كُنْ لَمْ كُفِّرًا زَادُوا ثَمَّ كَفَرُوا ثَمَّ ءَامَنُوا ثَمَّ كَفَرُوا ثَمَّ ءَامَنُوا الَّذِينَ إِنَّا  
سَيِّئًا لِّمَهْدِيهِمْ وَلَا هُمْ لِيُغْفَرَ اللَّهُ بِهِ

*Artinya : Sesungguhnya orang yang beriman kemudian kufur kemudian beriiiman kemudian kufur kemudian bertambah-tambah kekekufuran mereka, Allah tidak akan memberi ampun kepada mereka dan Ia tidak akan tunjuki mereka satu jalan.*<sup>22</sup>

يَمَنٍ مُّطْمَئِنِّينَ وَقَلْبُهُمْ رَءُوسٌ مُّكَرَهُم مِّنَ الْإِيمَانِ ۚ بَعْدَ مَنِ بِاللَّهِ كَفَر مِّن  
وَلَهُمُ اللَّهُ مِّنْ غَضَبٍ عَظِيمٍ صَدَرًا بِالْكَفْرِ شَرَحَ مَنْ وَلِيكِن بِأَلَا  
عَظِيمٌ عَذَاب

*Artinya : Dan barang siapa yang kufur dengan Allah sesudah ia beriman (mendapat kemurkaan Allah) kecuali orang yang terpaksa sedangkan hatinya tetap dalam keadaan beriman tetapi barngsiapa yang terbuka hatinya dengan kekufuran maka atas merekalah kemurkaan Allah dan bagi merekalah azab yang besar.*<sup>23</sup>

<sup>22</sup>Al-quran Tajwid Warna Dan Terjemahan Tahun 2012, Surah An-Nisa', Ayat 137, (Kuala Lumpur: Humairah Publication SdnBhd, 2012) hlm. 100.

<sup>23</sup>Ibidhlm. 279.

Di dalam ayat yang dinyatakan di atas membawa maksud murtad bukan satu perkara yang ringan tetapi berkara yang serius dan bukan perkara mainan untuk bercanda. ia berkaitan agama seseorang dan berkaitan hukum didalam Islam dan hukum bagi orang yang *murtad* adalah hukuman mati. Dan ia adalah satu jenayah yang berat dan wajib di ambil serius.

2. Dalil dari hadith :

مَرُدَّلَ دِينَهُ فَأَقْتُلُوهُ

*Artinya : Barangsiapa yang menukar agamanya hendaklah kamu bunuh akan dia.*

كَانَ يَهُودِيًّا فَاسْلَمَ فَارْتَدَّ عَنِ الْإِسْلَامِ فَلَمَّا قَدِمَ مُعَاذٌ قَالَ لَا أَنْزِلُ عَنْ

دَابَّتِي حَتَّى يُقْتَلَ فُقْتِلَ.

*Artinya : Ada seorang yahudi telah Islam maka tatkala datang Muaz (ke Yaman) dia telah berkata, aku tidak akan turun dari kenderaanku sehinggalah dia (orang yang murtad) dibunuh, maka dia dibunuh.<sup>24</sup>*

لَا يَحِلُّ دَمُ امْرِئٍ مُسْلِمٍ إِلَّا بِثَلَاثٍ: أَنْ يَرْتَدَّ بَعْدَ مَا أُحْصِنَ, أَوْ يُقْتَلَ

إِنْسَانًا فَيُقْتَلَ, أَوْ يَكْفُرَ بَعْدَ إِسْلَامِهِ فَيُقْتَلَ.

---

<sup>24</sup>Hadith riwayat Muslim.

*Artinya : Tidak halal darah seseorang Muslim kecuali dengan tiga perkara : Bahawa dia berzina selepas dia telah merasai perkahwinan, ataupun dia membunuh manusia maka dia akan dibunuh, ataupun dia menjadi kafir selepas keIslamannya maka dia dibunuh.*<sup>25</sup>

Merujuk hadith jelas memberikan maksud dan hukuman kepada orang yang *murtad* atau keluar dari Agama Islam. Dan *murtad* ini adalah perkara yang jelas tidak boleh di kompromi dan ia jelas salah dan ia wajib di tentang kepada orang yang *murtad*.

### 3. Dalil dari Ijma' Ulama'.

Mengikut ijma' ulama' orang yang murtad boleh dihukumkan bunuh. Ini berdasarkan kepada dalil hadits yang telah disebut di atas. Mengenai penggolongan kes *murtad* ini, ulama' berselesih pendapat. Ada yang mengkatogorikan ia sebagai *kes hudud* dan ada yang mengkatogorikannya sebagai *takzir sahaja*.

Menurut kitab *Majmuk*, jika *murtad* seorang yang merdeka kemudian berkekal pada *murtad* itu, maka dibolehkan bagi Imam menjalani hukuman bunuh, Imam adalah pembantu

---

<sup>25</sup>Hadith riwayat an-Nasai'I, Soleh bin Abdul Aziz bin Muhamad bin Ibrahim, Mausuh al-Hadith as-Syarif al-Kutub as-Sittah, Dar as-Salam, Riyadh, Mamlakah al-Arabiah as-Saudiah, 1999. hal. 2353.

bagi orang muslimin. Oleh yang demikian jika sebahagian orang muslimin membunuh orang murtad itu tanpa izin Imam maka tidaklah dia dipertanggungjawabkan, tidak dikenakan diat dan tidak dikenakan kaffarah.<sup>26</sup>

Selain itu, Ulama' bersepakat bahawa seorang lelaki Muslim yang *murtad* perlu dihukum bunuh. Walau bagaimanapun ulama' berbeda pendapat tentang hukuman ke atas seorang perempuan yang murtad. Bagi perempuan yang *murtad* terdapat dua pendapat ulama' berhubung dengan masalah ini<sup>27</sup> :

- i. Pendapat pertama ialah jumhur ulama' yang terdiri daripada mazhab Hambali, Shafi', Maliki dan Ja'afariah berpendapat bahawa muslimah yang murtad wajib dihukum bunuh sebagaimana lelaki. Dan antara hujah bagi golongan ini ialah mereka mengatakan bahawa perempuan seperti lelaki dari sudut ahli *taklif*. Oleh itu apabila seorang perempuan *murtad* dia juga wajib di

---

<sup>26</sup>Muhamad Najib al-Muti'i, Kitab al-Mazmu' Sarh al-Muhazzab li Syirazi. Maktabah al-Irsyad, Jeddah, Jilid 21 hlm. 73.

<sup>27</sup>Abdul Rashid Hj Abdul Latif, Undang-Undang Pusaka Dalam Islam, Cetakan Keempat 2002, terbitan al-Hidayah, hlm 62.

hukum seperti seorang lelaki *murtad* iaitu bunuh. Mereka menggunakan arahan yang pernah digunakan oleh Abu Bakar bahawa orang yang *murtad* sekalipun perempuan hukumannya sama seperti lelaki.<sup>28</sup>

- ii. Pendapat kedua pula datangnya daripada golongan mazhab Hanafi. Ulama' ini berpendapat bahawa perempuan yang murtad tidak dihalalkan darahnya dan tidak dibunuh kerana *murtad*. Tetapi dia wajib dipenjarakan dan memintanya supaya dia bertaubat dan kembali kepada Islam. Sekiranya dia kembali menganut Islam maka dia akan dibebaskan tetapi sekiranya dia menolak maka penjarakan dia semula sehingga dia terima Islam atau mati.<sup>29</sup>

Dari pandangan para ulama' walaupun ada perbezaan pandangan dari segi hukuman mati keatas wanita muslim dan lelaki muslim tetapi ia tetapi jelas bahawa sekiranya wanita itu enggan kembali kepada islam selepas di suruh bertaubat dan

---

<sup>28</sup>Muhamad Najib al-Muti'i, Kitab al-Mazmu' Sarh al-Muhazzab li Syirazi. Maktabah al-Irsyad, Jeddah, Jilid 21 hlm 65.

<sup>29</sup>Sayyid Sabiq, Fiqh as-Sunnah. Dar al-Fikr, jilid 2, hlm 305

sudah pujuk untuk kembali kepada islam maka hukumannya tetapi mati atau bunuh.

### **E. Jenis-jenis Murtad Menurut Islam.**

Apabila kita membicarakan mengenai *murtad*, maka kita kena melihat dari sudut jenis-jenis *murtad*. Ini penting untuk kita menentukan implikasi *murtad* itu dan juga hukuman –jika ada– kepada orang yang *murtad* ini. Kategorimurtad adalah seperti berikut :

1. Orang yang *murtad* dengan sendiri-sendiri.

Ia juga disebut dengan istilah *apostasy* (keluar Islam). Golongan ini adalah seseorang Islam yang keluar Islam dengan tidak memperlekeh atau menghina atau mempersenda atau mengutuk atau bermusuhan dengan Islam. Seseorang itu akan dianggap melakukan *apostasy* sekiranya meninggalkan agama Islam untuk menganuti agama lain atau tidak beragama. Bedaanya ialah, ia membuat perkara ini dengan sendiri tanpa mengisytiharkan tidak ada orang lain yang mengetahui. Golongan ini adalah golongan yang tidak akan dapat disabitkan kesalahannya di dunia. Ini kerana hukuman



bunuh bagi orang yang *murtad* adalah bagi kesalahan murtad dihadapkan kepada pemerintah. Setelah diberi tempoh untuk bertaubat maka dia enggan untuk berbuat demikian maka barulah hukuman bunuh dijatuhkan kepadanya.

2. Orang yang *murtad* atau islam dan mengisytiharkan.

Golongan ini juga disebut sebagai *blasphemy* (*behavior or language that insults or shows lack of respect for God or religion*) mereka ialah seseorang yang keluar Islam dan menyerang, bermusuhan, menghina atau menkeji agama Islam. Apabila seorang yang merdeka itu telah *murtad* dan mempertahankan *murtadnya* maka terpulanglah bagi imam untuk menjatuhkan hukuman bunuh. Ini kerana hukuman bunuh itu hak orang muslim. Jika sebahagian mereka (orang muslimin) membunuhnya tanpa mendapat keizinan imam sekalipun, maka tiada balasan terhadapnya, tiada diat (bayaran pampasan) dan tiada *kaffarah* kerana dia berhak menjalani hukuman bunuh itu.<sup>30</sup>

---

<sup>30</sup>Muhamad Najib al-Muti'i, Kitab al-Mazmu' Sarh al-Muhazzab li Syirazi. Maktabah al-Irsyad, Jeddah, Jilid 21 hlm 73.

3. Orang yang murtad tetapi tiada niat untuk murtad.

Golongan ini adalah golongan yang menyatakan, atau berbuat sesuatu yang menyebabkan rusak imannya tetapi sebenarnya ia tidak pernah berniat untuk berlaku demikian. Di dalam sejarah, ketika *Rasullullah* hendak berhijrah ke *Madinah*, orang-orang *musyrikin* telah menangkap *Saidina Bilal*, *Saidina Khabbab* dan *Saidina Ammar*. Adapun *Ammar*, dia telah mengatakan perkataan yang mengejutkan orang kafir dengan berselindung seolah-olah dia tidak Islam. Ketika dia kembali kepada *Rasullullah* dia menceritakan kepada *Rasullullah*. Baginda bertanya, adakah apa yang dia katakan itu merupakan apa yang ada di dalam hati ? *Ammar* mengatakan tidak.<sup>31</sup>

Maka turun ayat Quran mengenai hal itu :

مَنْ كَفَرَ بِاللَّهِ مِنْ بَعْدِ إِيمَانِهِ إِلَّا مَنْ أُكْرِهَ وَقَلْبُهُ مُطْمَئِنٌّ بِالْإِيمَانِ

*Artinya : Sesiapa yang kufur kepada Allah sesudah ia beriman (maka baginya kemurkaan dan azab dari Allah), kecuali orang yang dipaksa (melakukan kufur) sedang hatinya tenang tenteram dengan iman.*

Memang pada zaman *Rasullullah*, orang beriman ditindas sehingga ada yang apabila mereka mengisytiharkan keimanan

---

<sup>31</sup> Muhamad Najib al-Muti'i, Kitab al-Mazmu' Sarh al-Muhazzab li Syirazi. Maktabah al-Irsyad, Jeddah, Jilid 21 hlm 58.

mereka, maka mereka akan disiksa dan dibunuh. Di dalam kejadian pembunuhan seorang muslimah bernama *Sumayyah* yang telah disula dari duburnya sehingga keluar ke mulutnya menyebabkan ada setengah para sahabat yang menyatakan dimulut mereka mengenai kekufuran sedangkan di dalam hati mereka masih beriman. Ucapan yang demikian, tidak dikira sebagai ucapan murtad kerana mereka berkata demikian kerana sesuatu masalahah (kebaikan).<sup>32</sup>

---

<sup>32</sup> Ibid. hlm 58